*Kertas soalan ini mengandungi **50** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap – tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi tiap – tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.*

1 Teknik yang menghasilkan lipatan kertas dinamakan

A asemblaj **B** origami
C anyaman **D** tenunan

2 Jenis-jenis garisan merujuk kepada

A fungsi sesuatu garisan
B sifat-sifat fizikal sesuatu garisan
C kegunaan sesuatu garisan
D nilai sesuatu garisan

3 Berdasarkan pilihan jawapan berikut, objek manakah menunjukkan garisan berpancar?

A Bulu kucing **B** Roda Basikal
C Ketupat **D** Meja

4 Warna tertier terbentuk hasil campuran satu warna asas dengan satu warna sekunder. Antara berikut yang manakah merupakan warna tertier

A kuning hijau **B** biru muda
C biru merah **D** kuning ungu

5 Tanda X dalam rajah di bawah merujuk kepada

A Warna tertier
B Warna sejuk
C Warna panas
D Warna penggenap

6 Warna biru melambangkan simbol yang berikut ***kecuali***

A Ketenangan **B** Kasih sayang
C Kecemasan **D** Kejujuran

7 Antara berikut, objek apakah yang menunjukkan jalinan tampak.

A Permaidani
B lukisan buah buahan tempatan
C tapak kasut
D sisik ikan

8 Apakah warna yang sesuai untuk dicat pada dinding bilik tidur kanak kanak perempuan

A Coklat **B** Hitam
C Jingga **D** Merah Jambu

9 Antara berikut, garisan yang manakah bersudut?

A Zig Zag **B** Beralun
C Berlingkar **D** Putus – putus



10 Lukisan di atas telah menggunakan rupa _____ dalam ciptaan kesan olahan rupa _____

A Organik ..... Negatif
B Organik .....positif
C Geometri .....positif
D Geometri .....negatif

LIVEWORKSHEETS